

MAKLUMAT TAMBAHAN/PERINCIAN

Kerajaan Negeri Selangor melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) melaksanakan 11 tindakan-tindakan berikut bagi mengatasi isu pencemaran merangkumi;

- (i) Menjalankan rondaan 24 jam melalui Skuad Elit Air LUAS (SKEAL) bagi memastikan tindakan-tindakan pemuliharaan kualiti sumber air dan penguatkuasaan ke atas pihak yang menyebabkan aktiviti pencemaran dapat diambil;
- (ii) Menjalankan tinjauan sungai-sungai di Negeri Selangor melalui Unit Penguatkuasaan LUAS bagi mengenal pasti aktiviti-aktiviti dalam 50 meter rizab sungai yang berpotensi menyumbang kepada pencemaran sumber air;
- (iii) Menjalankan Kajian Inventori Guna Tanah Di Rizab Sungai bagi sungai-sungai yang berisiko sebagai langkah pencegahan dan kawalan aktiviti-aktiviti di rizab sungai bagi tindakan pemantauan dan penguatkuasaan bersepadu;
- (iv) Melaksanakan pemasangan stesen telemetri kualiti air di hulu muka sauk sebagai sistem amaran awal/ *early warning system* bagi meminimumkan henti tugas loji rawatan air (LRA);
- (v) Pemantauan berkala ke atas kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan sebagai zon perlindungan di bawah seksyen 48 Enakmen LUAS 1999 seperti kawasan empangan dan kolam-kolam sumber air alternatif;
- (vi) Mengambil tindakan penguatkuasaan secara pengkompaunan atau pendakwaan secara terus bagi kesalahan-kesalahan berkaitan pencemaran sumber air tanpa lesen/kebenaran daripada Pengarah LUAS;
- (vii) Kolaborasi bersama agensi-agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri seperti PDRM, SPAN, JAS, pentadbir tanah & daerah, pihak-pihak berkuasa tempatan dan pihak berkepentingan iaitu Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd dalam mengesan suspek-suspek yang disyaki menyebabkan pencemaran air;
- (viii) Melaksanakan blok pemantauan kualiti air ataupun dikenali sebagai *River Monitoring Program (RMP)* di sepanjang rizab sungai utama Negeri Selangor dan juga anak-anak sungai yang berisiko. Pemantauan ini berdasarkan Kajian Pemetaan Dan Inventori Aktiviti Guna Tanah Di Rizab Sungai Sembah dan Anak - Anak Sungaiinya, Sungai Klang, Sungai

Damansara, Sungai Semenyih, Sungai Rinching dan Sungai Beranang bagi Fasa 1 pada tahun 2017 dan seterusnya Fasa 2 bagi Sungai Buloh, Sungai Langat dan Sungai Selangor pada tahun 2021. Objektif pelaksanaan pemantauan blok ini adalah seperti berikut:

- a. Memastikan kualiti air sungai berada dalam keadaan yang baik dan terpelihara;
 - a. Menentukan *outfall* aliran ke sungai untuk tujuan verifikasi kualiti air pelepasan aliran dari *outfall*; dan
 - b. Menyelaraskan cadangan kawalan kepada kualiti air bagi pelepasan aliran dari *outfall* yang melibatkan aktiviti dari kawasan pembangunan, komersial, industri dan persekitarannya untuk diambil tindakan lanjut dengan kerjasama agensi berkaitan selaras bidang kuasa.
- (ix) Mempertingkatkan usaha dan memperkasakan penglibatan agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor. Antara program yang telah dilaksanakan adalah penubuhan Sahabat Sungai atau dikenali *Friends of River, FoR* di mana program ini meliputi seluruh kawasan sungai di Negeri Selangor yang menggalakkan penglibatan komuniti setempat memelihara dan memulihara sungai/ sumber air di kawasan masing-masing;
- (x) Pelaksanaan *Zero Discharge Policy* (ZDP) melalui Peraturan-peraturan Pelesenan Pembuangan Air Kembalian, Dan Kemasukan atau Pelepasan Bahan Buangan Dan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2024 bagi pengawalan pelepasan ke sumber air daripada punca. Pelaksanaan polisi ini dilihat mampu untuk meningkatkan kualiti air sungai dan ekosistem persekitarannya dan seterusnya mengurangkan impak negatif daripada sektor ekonomi serta menggalakkan amalan pengurusan terbaik (*Best Management Practices, BMPs*) atau teknologi hijau seperti *reuse and recycle* pelepasan efluen.
- (xi) pemantauan dan penguatkuasaan berterusan bagi isu-isu pencemaran melalui Jawatankuasa-Jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:
- a. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam;
 - b. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor yang dipengerusikan oleh Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan

- c. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh YB EXCO Alam Sekitar.

Selanjutnya, Kerajaan Negeri Selangor melalui LUAS juga telah lebih awal meminda undang-undang bagi mengenakan tindakan atau hukuman berat kepada pesalah jenayah alam sekitar seperti pencemaran sumber air dengan meminda Enakmen LUAS 1999 pada tahun 2020 seperti berikut:

- (i) menetapkan hukuman yang lebih berat iaitu :
 - a. menjadikan hukuman penjara sebagai hukuman mandatori;
 - b. menaikkan hukuman denda daripada maksimum satu ratus ribu ringgit kepada denda minimum dua ratus ribu ringgit dan maksimum sehingga satu juta ringgit bagi kesalahan mencemarkan sumber air tanpa lesen di bawah seksyen 79(4) Enakmen LUAS 1999;
- (ii) memasukkan hukuman tambahan di bawah subseksyen 79(5) iaitu mana-mana orang yang disabitkan dengan kesalahan hendaklah membayar semua perbelanjaan yang dilakukan oleh LUAS untuk membaiki atau memulihkan apa-apa pencemaran yang disebabkan oleh kesalahan di bawah seksyen 79 tersebut; dan
- (iii) Memasukkan pencemaran bau sebagai salah satu elemen pencemaran di bawah seksyen 79(1)(a), Enakmen LUAS 1999.

MAKLUMAT TAMBAHAN

REKOD KES KECEMASAN SUMBER AIR 2024

Secara keseluruhannya, terdapat lapan puluh (80) kes kecemasan/pencemaran sumber air yang telah direkodkan di Negeri Selangor pada tahun 2024 yang berpotensi untuk menyebabkan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA). Berikut adalah jadual kes kecemasan/pencemaran sungai yang dikesan pada tahun 2024 mengikut lembangan sungai di Negeri Selangor dan kod warna kes kecemasan.


Bil.	Lembangan Sungai	Kod Hijau	Kod Kuning	Kod Merah	Jumlah Mengikut Lembangan Sungai
1.	Lembangan Sungai Selangor	3	27	2	32

2.	Lembangan Sungai Langat	2	19	0	21
3.	Lembangan Sungai Klang	3	22	2	27
JUMLAH		8	68	4	80

Statistik kes kecemasan pencemaran sumber air Negeri Selangor bagi tahun 2024 menunjukkan rekod yang positif di mana penurunan bagi kes kecemasan Kod Merah (Insiden pencemaran yang menyebabkan henti tugas LRA) daripada 5 kes pada tahun 2023 kepada 4 kes sehingga 31 Disember 2024.

Manakala bagi kes kecemasan Kod Kuning (Insiden pencemaran yang berjaya dikesan/ditangani tanpa henti tugas LRA) pada tahun 2024 telah meningkat kepada 68 kes kecemasan berbanding dengan 49 kes pada tahun 2023. Perkara ini adalah berikutan penyelarasan pemantauan proaktif dan intensif yang digerakkan oleh LUAS meliputi lebih banyak lokasi dan kawasan yang dikenal pasti, lebih banyak insiden-insiden berpotensi dan berisiko telah dikesan dengan lebih awal dan berjaya ditangani dengan segera tanpa gangguan operasi LRA.

GRAF JUMLAH INSIDEN KECEMASAN PENCEMARAN SUMBER AIR TAHUN 2020 SEHINGGA FEBRUARI 2025



TAHUN	KOD HIJAU	KOD KUNING	KOD MERAH
2020	-	18	15
2021	4	58	2
2022	4	63	4
2023	22	49	5
2024	8	68	4
FEB-25	-	4	-
JUMLAH	38	260	30

KES-KES KECEMASAN YANG DIAMBIL TINDAKAN
PENGUATKUASAAN/PENDAKWAAN

BIL.	NAMA PREMIS	LOKASI	KOD	KESALAHAN	TINDAKAN
1.	Muhibbah Mok Workshop	Sungai Gong	Merah	S.79(4) Enakmen LUAS 1999 Melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Lembaga.	Pendakwaan Denda RM 5,000 (Mahkamah Sesyen Shah Alam)
2.	Muhibbah Mok Sdn Bhd		Merah		Pendakwaan Denda RM 5,000 (Mahkamah Sesyen Shah Alam)
3.	Ng Kim Bok		Merah		Pendakwaan Denda RM 5,000 (Mahkamah Sesyen Shah Alam)
4.	H'ng Soo Chiew		Merah		Pendakwaan Denda RM 5,000 (Mahkamah Sesyen Shah Alam)
5.	Ng Kim Bok Realty Sdn Bhd		Merah		Pendakwaan Denda RM 5,000 (Mahkamah Sesyen Shah Alam)
6.	Wong Voon Tee	Sungai Semenyih		S.79(4) Enakmen LUAS 1999 Melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Lembaga.	Pendakwaan Kes ditarik balik kerana OKS telah melarikan diri dari Malaysia semasa tempoh penangguhan perbicaraan. (Mahkamah Sesyen Selayang)

BIL.	NAMA PREMIS	LOKASI	KOD	KESALAHAN	TINDAKAN
7.	1. Devaraj a/l Shanmugam 2. Maduraiveran Pillai a/l Nageswara	Kolam tadahan di Taman Eng Ann, Klang	Hijau	S.79(4) Enakmen LUAS 1999 Melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Lembaga.	Pendakwaan OKS 1 – denda RM 20,000 OKS 2 – denda RM 25,000 (Mahkamah Sesyen Klang)
8.	Aset Bina Tropikal Sdn Bhd	Kolam takungan JPS Petaling		S.79(4) Enakmen LUAS 1999 Menyebabkan kemasukan atau melepaskan bahan cecair larut resapan yang kesannya menjejaskan kualiti air di dalam sumber air itu tanpa lesen daripada Pengarah	Pendakwaan Prosiding sedang berjalan di mahkamah (Mahkamah Sesyen Petaling Jaya)
9.	Yap Yah Ji	Lot 108336 Dengkil, Sepang		S.79(4) Enakmen LUAS 1999 Menyebabkan kemasukan atau melepaskan bahan (air lumpur) yang menjejaskan kualiti air di dalam sumber air itu tanpa lesen daripada Pengarah	Pendakwaan Prosiding sedang berjalan di mahkamah (Mahkamah Sesyen Sepang)
10.	Nai Foo Lim	Lot 108336 Dengkil, Sepang		S.79(4) Enakmen LUAS 1999	Pendakwaan Prosiding sedang

BIL.	NAMA PREMIS	LOKASI	KOD	KESALAHAN	TINDAKAN
				Menyebabkan kemasukan atau melepaskan bahan (air lumpur) yang menjejaskan kualiti air di dalam sumber air itu tanpa lesen daripada Pengarah	berjalan di mahkamah (Mahkamah Sesyen Sepang)
11.	Lee Teck You	Lot 108336 Dengkil, Sepang		S.79(4) Enakmen LUAS 1999 Menyebabkan kemasukan atau melepaskan bahan (air lumpur) yang menjejaskan kualiti air di dalam sumber air itu tanpa lesen daripada Pengarah	Pendakwaan Prosiding sedang berjalan di mahkamah (Mahkamah Sesyen Sepang)
12.	Tan Hong Siang	Lot 108336 Dengkil, Sepang		S.79(4) Enakmen LUAS 1999 Menyebabkan kemasukan atau melepaskan bahan (air lumpur) yang menjejaskan kualiti air di dalam sumber air itu tanpa lesen daripada Pengarah	Pendakwaan Prosiding sedang berjalan di mahkamah (Mahkamah Sesyen Sepang)
13.	Tamil Arasan a/l Kangaderan	Lot 108336 Dengkil, Sepang		S.79(4) Enakmen LUAS 1999	Pendakwaan Prosiding sedang

BIL.	NAMA PREMIS	LOKASI	KOD	KESALAHAN	TINDAKAN
				Menyebabkan kemasukan atau melepaskan bahan (air lumpur) yang menjejaskan kualiti air di dalam sumber air itu tanpa lesen daripada Pengarah	berjalan di mahkamah (Mahkamah Sesyen Sepang)
14.	Bintang Bulk Mover Sdn Bhd	Rawang		S.79(4) Enakmen LUAS 1999 Melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Lembaga.	Kompaun RM 250,000
15.	China Communication Construction Sdn Bhd	Gombak		S.79(4) Enakmen LUAS 1999 Melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Lembaga.	Kompaun RM 375,000
16.	Mohammed Hussien bin Md Lasen	Telok Gong		S.79(4) Enakmen LUAS 1999 Melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Lembaga.	Kompaun RM 500,000
17.	Jelang Vista Sdn Bhd	Gombak		S.79(4) Enakmen LUAS 1999	Kompaun RM 500,000

BIL.	NAMA PREMIS	LOKASI	KOD	KESALAHAN	TINDAKAN
				Melepaskan bahan yang disebabkan bau, menjejaskan kualiti air dalam sumber air	
18.	FGV Bulkers Sdn Bhd	Pelabuhan Klang		S.79(4) Enakmen LUAS 1999 Melepaskan bahan buangan yang mengandungi minyak tanpa lesen daripada Lembaga.	Kompaun RM 500,000

MAKLUMAT TAMBAHAN

ZERO DISCHARGE POLICY (ZDP)

1. Setakat 31 Disember 2024 bermula penguatkuasaan Peraturan ini, sejumlah 2,494 permohonan telah dikemukakan kepada LUAS bagi permohonan Lesen Pembuangan Air Kembalian dan Lesen Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Buangan dan Pencemar. Pelaksanaan ZDP ini adalah bertujuan untuk memastikan Negeri Selangor dapat menguruskan persekitaran air secara bersepadu dan lestari. Semua risiko pencemaran air boleh dikawal dan diuruskan di peringkat awal jika semua aktiviti yang menghasilkan air sisa/kembalian dikawal di dalam peraturan ZDP.
2. Berdasarkan data awal, 30,000 aktiviti industri, 2,000 tapak pembangunan, 3,000 aktiviti penternakan, 400 aktiviti akuakultur, 2,000 loji rawatan kumbahan (LRK) milik Indah Water Konsortium (IWK) dan pihak swasta akan dikawal. Sekiranya aktiviti-aktiviti ini berjaya dilesenkan sepenuhnya, dijangkakan hasil yang akan diperolehi adalah melebihi RM 300 juta.
3. Pihak LUAS kini giat mempertingkatkan libat urus bersama pihak berkepentingan bagi menghebahkan pewartaan dan penguatkuasaan Peraturan ini. Antara program yang dilaksanakan adalah melalui pelaksanaan OPS 272 iaitu pihak LUAS memberikan penerangan dan hebahan *door-to-door* kepada

premises industri di semua 272 kawasan perindustrian di Negeri Selangor di mana sehingga kini lebih kurang 2,000 surat pemakluman telah diedarkan kepada premises-premises industri.

RIVER MONITORING PROGRAM (RMP)

1. Bermula tahun 2023, LUAS telah mula melaksanakan inisiatif *River Monitoring Program (RMP)* yang bertujuan untuk:
 - i. Memastikan kualiti air sungai berada dalam keadaan yang baik dan terpelihara,
 - ii. Menentukan outfall aliran ke sungai untuk tujuan verifikasi kualiti air pelepasan aliran dari outfall; dan
 - iii. Menyelaraskan cadangan kawalan kepada kualiti air bagi pelepasan aliran dari outfall yang melibatkan aktiviti dari kawasan pembangunan, komersil, industri dan persekitarannya untuk diambil tindakan lanjut dengan kerjasama agensi berkaitan selaras bidang kuasa agensi.
2. RMP ini melibatkan ketiga-tiga lembangan sungai utama negeri iaitu Lembangan Sungai Langat, Lembangan Sungai Selangor dan Lembangan Sungai Klang. Ianya mengambil kira enam (6) parameter iaitu *Chemical Oxygen Demand (COD)*, *Biological Oxygen Demand (BOD)*, *Ammoniakal Nitrogen (AN)*, *pH*, *Total Suspended Solid (TSS)* dan *Dissolved Oxygen (DO)* yang dianalisa terhadap kualiti sumber air.
3. Jumlah lokasi pemantauan RMP bagi *outfall* ke sungai utama di ketiga-tiga lembangan sungai dilakukan menggunakan pendekatan blok pemantauan bagi pemantauan Indeks Kualiti Air (IKA) seperti berikut:
 - i. Lembangan Sungai Langat = 47 lokasi (18% Indeks Kualiti Air (IKA) Kelas II)
 - ii. Lembangan Sungai Selangor = 30 lokasi (80% IKA Kelas II)
 - iii. Lembangan Sungai Klang = 45 lokasi (38% IKA Kelas III)

PROJEK PEMULIHARAAN SUMBER AIR

1. Salah satu usaha dan inisiatif LUAS bagi memulakan langkah pemuliharaan sumber air terutamanya di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti menghadapi permasalahan melalui RMP, LUAS menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan peningkatan kualiti air di kawasan yang berisiko dan terdedah kepada potensi pencemaran.

2. Bermula pada tahun 2023, LUAS telah melaksanakan inisiatif ini di Lembangan Sungai Langat, Lembangan Sungai Selangor dan Lembangan Sungai Klang. Objektif utama kerja ini adalah untuk meningkatkan kualiti air menggunakan produk bioteknologi atau teknologi hijau/*green technology* dengan peruntukan permulaan sebanyak RM100,000 bagi setiap lembangan.
3. Antara kawasan yang telah berjaya dilaksanakan kerja-kerja tersebut berikutan permasalahan kualiti di tapak dengan peningkatan Indeks Kualiti Air (IKA) yang lebih baik adalah seperti berikut:

TAHUN 2023

Lembangan Sungai Langat

- a) Anak Sungai Langat, Parit Manggis, Kg Medan, Teluk Panglima Garang
- b) Anak Sungai Langat, Parit Jalan Suasa, Banting
- c) Anak Sungai Langat, Taman Langat Jaya Kajang.

Lembangan Sungai Selangor

- a) Sungai Gong, Rawang

Lembangan Sungai Klang

- a) Sungai Sementa, Klang

TAHUN 2024

Lembangan Sungai Langat

- a) Parit Jalan Suasa, Banting
- b) Anak Sungai Langat (Berhampiran Sungai Kelambu)
- c) Anak Sungai Langat (Berhampiran Sungai Kelambu) Fasa 2
- d) Aliran Parit Jalan B323, Tanjung Sepat - Pencemaran Najis Babi

Lembangan Sungai Selangor

- a) Parit Jalan Melati, Bandar Melawati 45000 Kuala Selangor
- b) Sungai Gong, Kawasan Perindustrian Belmas Johan Rawang Fasa 2
- c) Parit Jalan Melati, Bandar Melawati 45000 Kuala Selangor Fasa 2
- d) Sungai Bakau, Jalan Pusat BCH 1B, Bandar Country Homes

Lembangan Sungai Klang

- a) Tasik Pandan Indah
- b) Sungai Pinang (Sungai Chandong)
- c) Jalan Jangur, Taman Alam Megah

4. Lokasi-lokasi kerja pemuliharaan ini akan ditingkatkan lagi bagi tahun 2025 dengan hasrat lebih banyak lagi lokaliti dapat diliputi dan lebih banyak lagi lokasi-lokasi yang bermasalah dapat dipulihkan kepada IKA yang lebih baik.